

**Karpal: Sultan Pahang patut campur tangan isu Lynas**  
**MalaysiaKini.com**  
**March 19, 2012**  
**By Susan Loone**

Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah perlu campur tangan untuk menghalang kilang Lynas daripada beroperasi di negeri itu, kata pengerusi kebangsaan DAP Karpal Singh.

karpal singh pc penang 180312Katanya, tindakan itu demi kepentingan rakyat negeri itu.

"Sebagai contoh, semasa perhimpunan BERSIH 2.0 pada Julai lalu, Yang di-Pertuan Agong menjemput pihak penganjur ke istana untuk meminta mereka untuk berhimpun di tempat lain, demi kepentingan awam," katanya.

Menurut beliau, sukar untuk mempercayai, bahawa loji Lynas akan dibenarkan untuk beroperasi di Gebeng, yang hanya 40km dari Kuantan.

Beliau berkata penubuhan jawatankuasa terpilih parlimen (PSC) tidak akan menyelesaikan isu-isu yang terus membara itu kerana penduduk sekitar cukup kuathir dengan bahan buangan radioaktif yang akan dijana oleh kilang Lynas.

"Ia hanya bermakna bahawa kerajaan persekutuan mahu mengekalkan kuasa mereka berikutan pilihan raya umum yang semakin hampir," katanya.

NONEPerdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata PSC berhubung Lynas akan mengadakan perbincangan dengan orang ramai untuk memastikan bahawa isu itu difahami dengan jelas tetapi jawatankuasa itu tidak akan membuat sebarang keputusan mengenai nasib projek berkenaan.

Kumpulan pelobi anti-Lynas Himpunan Hijau 2.0 telah berkata PSC itu sebagai tidak diperlukan dan hanya gimik oleh kerajaan untuk melengahkan usaha menangani isu berkenaan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/192521>



